

**AMALAN *LANGGAM KATO NAN AMPEK*
DI KALANGAN SENIMAN DAN BUDAYAWAN
MINANGKABAU MASA KINI**

OLEH

DIRWAN BIN AHMAD DARWIS

**Tesis dikemukakan bagi memenuhi syarat
untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Dalam Pemikiran
dan Tamadun Islam**

**Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam
(ISTAC)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM)**

Ogos 2019

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kewujudan amalan *Langgam Kato Nan Ampek* (LKNA) dalam kalangan para seniman dan budayawan Minangkabau masa kini di Kota Padang, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia, menerusi proses dialektik kebudayaan. Kajian ini dilakukan atas permasalahan kurangnya sumber kajian di peringkat ilmiah berkenaan amalan LKNA, iaitu prinsip kesantunan dalam perbincangan sehari-hari sebagai panduan hidup berkomunikasi masyarakat Minangkabau zaman dulu dalam interaksi sosial mereka, yang mana ia kini hampir dilupakan oleh masyarakat Minangkabau sendiri. Dalam proses penyelidikan ini, analisis data melibatkan 11 orang subjek kajian menerusi sesi Group Perbincangan Fokus (*Focus Group Discussion*), serta ditambah 11 orang lagi menerusi kajian soal selidik, keduanya melibatkan 22 orang tokoh seniman dan budayawan Minangkabau masa kini di Sumatera Barat, Indonesia. Dalam kajian ini terdapat tiga objektif yang diketengahkan, iaitu; a) untuk menilai pemahaman seniman dan budayawan Minangkabau masa kini mengenai prinsip-prinsip LKNA, b) untuk mengetahui sama ada prinsip LKNA masih lagi menjadi amalan bagi seniman dan budayawan Minangkabau masa kini dalam proses komunikasi mereka, dan c) untuk menganalisis sebab-sebab terhakis dan memudarnya amalan LKNA dalam kehidupan seniman dan budayawan Minangkabau masa kini. Berdasarkan kepada dapatan kajian, didapati ada kekeliruan dalam memahami LKNA, perkara ini mencerminkan betapa merosotnya penghayatan tokoh-tokoh seni budaya terhadap amalan LKNA. Proses pemodenan telah membuat LKNA terhakis dan pudar dalam kehidupan seniman dan budaya Minangkabau kontemporari. Kajian tentang LKNA ini dianggap penting sebagai usaha untuk melestarikan khazanah warisan budaya yang mengandungi pendidikan moral bernilai tinggi, yang juga sejalan dengan ajaran Islam, dan ia akan bermanfaat bagi kehidupan generasi Minangkabau masa hadapan. Kajian ini juga akan memperkaya khazanah ilmu pengetahuan, dan selanjutnya hasil kajian juga boleh digunakan sebagai bahan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin membuat kajian lanjutan yang lebih dalam berkenaan topik ini. Kajian LKNA ini juga akan bermanfaat bagi kepentingan pembuat aturan dasar, sebagai rujukan untuk membuat rangka silabus bagi melahirkan kursus-kursus di berbagai peringkat sekolah seperti dalam bidang pembinaan moral dan akhlak para pelajar.

ABSTRACT

This research aims to identify the existence of the practice of *Langgam Kato Nan Ampek* (LKNA) amongst the contemporary Minangkabau artists and culture activists through their cultural dialectic process in Padang city, the Province of West Sumatra, Indonesia. The study is based on the lack of scientific resources found on LKNA practices as the principle of decency in the Minangkabau daily conversation, also as a guide to communicating the ancient community in their social interactions, which is now almost forgotten by the majority Minangkabaus. In the course of this research, data analysis involving 11 research subjects conducted through a Focus Group Discussion, and the other 11 subjects done through questionnaires, altogether were involving 22 artists and cultural figures. Three objectives are highlighted, namely; a) to assess Minangkabau artists and cultural activists' current understanding of LKNA principles, b) to determine whether LKNA principles are still in practice within the contemporary Minangkabau artists and culture activists in their daily communication process, and c) to analyze the causes of erosion and fading of LKNA practices in the today's life of Minangkabau artist and culture activists. Based on the research findings, there has been a misunderstanding amongst the subjects toward the use of LKNA reflecting the decline in the appreciation and understanding of these cultural figures in the actual practices of LKNA. Modernization in today's time causing the practice of LKNA is getting eroded and faded in the life of these activists. Therefore, this research is considered very important as an effort to preserve the cultural heritage that contains high value of moral education, which also in-line with the Islamic teachings and that will be beneficial for future Minangkabau generations. The study will enrich the corpus of knowledge; the findings can be used as a reference material for those who wish to do further study on this topic. This LKNA study will also be useful for the policy-makers as a reference to create a syllabus to provide courses at various levels of schools such as for the purpose of student's moral development.

ملخص البحث

يهدف هذا البحث إلى التعرف على وجود ممارسة Langgam Kato Nan Ampek (LKNA) بين فناني Minangkabau المعاصرين والناشطين الثقافيين من خلال عمليتهم الجدلية الثقافية في مدينة بادانج (Padang) ، محافظة سومطرة الغربية في إندونيسيا. استندت الدراسة إلى نقص الموارد العلمية الموجودة في ممارسات LKNA كمبدأ اللياقة في محادثة Minangkabau اليومية، أيضًا كدليل لتوصيل المجتمع القديم في تفاعلاتهم الاجتماعية، والتي أصبحت الآن شبه منسية من قبل الأغلبية المجتمع Minangkabau. اشتمل هذا البحث على تحليل البيانات الذي يشمل 11 موضوعًا بحثيًا تم إجراؤه من خلال مناقشة جماعية مركزة، والموضوعات الـ 11 الأخرى التي تم إجراؤها من خلال الاستبيانات، تضمنت 22 فنانًا وشخصية ثقافية. تم تسليط الضوء على ثلاثة أهداف، وهي: أ) لتقييم فهم فناني Minangkabau والنشطاء الثقافيين الحاليين لمبادئ LKNA، ب) لتحديد ما كانت مبادئ LKNA لا تزال قيد الممارسة بين فناني Minangkabau المعاصرين ونشطاء الثقافة في عملية الاتصال اليومية، ج) لتحليل أسباب التآكل وتلاشي ممارسات LKNA في حياة الفنانين والنشطاء الثقافيين في Minangkabau اليوم. بناءً على نتائج البحث، هناك سوء تفاهم بين الموضوعات تجاه استخدام LKNA مما يعكس الانخفاض في تقدير وفهم هذه الشخصيات الثقافية في الممارسات الفعلية لـ LKNA. التحديث في عصر اليوم الذي يتسبب في ممارسة LKNA يتآكل ويتلاشى في حياتهم. لذلك، يعتبر هذا البحث مهمًا جدًا كمحاولة للحفاظ على التراث الثقافي الذي يحتوي على قيمة عالية للتربية الأخلاقية، والتي تتماشى أيضًا مع العملية الإسلامية ومفيدة لأجيال Minangkabau المستقبلية. ستثري الدراسة مجموعة المعرفة؛ يمكن استخدام النتائج كمادة مرجعية لأولئك الذين يرغبون في إجراء مزيد من الدراسة حول هذا الموضوع. وستكون دراسة LKNA مفيدة لواضعي السياسات كمرجع لإنشاء منهج دراسي لتقديم دورات في مستويات مختلفة من المدارس لغرض التطور الأخلاقي الطلاب.

APPROVAL PAGE

I certify that I have supervised and read this study and that in my opinion; it conforms to acceptable standards of scholarly presentation and is fully adequate, in scope and quality, as a thesis for the degree of Master of Arts in Islamic Thought and Civilization.

.....
Awang bin Sariyan
Supervisor

.....
Hafiz bin Zakariya
Co-Supervisor

I certify that I have read this study and that in my opinion it conforms to acceptable standards of scholarly presentation and is fully adequate, in scope and quality, as a thesis for the degree of Master of Arts in Islamic Thought and Civilization.

.....
Ahmad Murad Mohd. Noor Merican
Post Viva Correction Supervisor/Head, Unit of Malay World Studies ISTAC

This thesis was submitted to the Department of ISTAC and is accepted as a fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts in Islamic Thought and Civilization.

.....
Danial Bin Mohd. Yusof
Deputy Dean, Academic and Research ISTAC

This thesis was submitted to the Kulliyah of Islamic Thought and Civilization and is accepted as a fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts in Islamic Thought and Civilization.

.....
Thameem Ushama
Dean of ISTAC

DECLARATION

I hereby declare that this thesis is the result of my own investigations, except where otherwise stated. I also declare that it has not been previously or concurrently submitted as a whole for any other degrees at IIUM or other institutions.

Dirwan Ahmad Darwis

Signature

Date

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

**PENGAKUAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN
YANG WAJAR TERHADAP PENYELIDIKAN YANG TIDAK
DITERBITKAN**

**AMALAN *LANGGAM KATO NAN AMPEK*
DI KALANGAN SENIMAN DAN BUDAYAWAN
MINANGKABAU MASA KINI**

Saya menyatakan bahawa pemegang hak cipta tesis ini
dimiliki bersama oleh pelajar dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Hak Cipta © 2019 Dirwan Ahmad Darwis dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
Hak cipta terpelihara.

Tidak ada bahagian dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini boleh diterbitkan ulang, atau disimpan dalam sistem yang boleh diambil kembali, atau dihantar dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis terlebih dahulu dari pemegang hak cipta, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah

1. Sebarang bahan yang terdapat dalam atau berasal dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya dapat digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan pengakuan sewajarnya.
2. UIAM atau perpustakaananya berhak membuat dan menghantar salinan (cetak atau elektronik) untuk tujuan institusi dan akademik.
3. Perpustakaan UIAM mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem pengambilan kembali dan membekalkan salinan penyelidikan yang belum diterbitkan ini jika diperlukan oleh pihak universiti dan perpustakaan penyelidikan lainnya.

Dengan menandatangani borang ini, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami dasar Hak Harta Intelek dan Pengkomersialan IIUM.

Disahkan oleh Dirwan Ahmad Darwis

.....
Tandatangan

.....
Tarikh

Untuk orang-orang yang ku sayangi; ibu ku, isteri ku & anak-anak ku.

"Usia bukan alasan untuk berhenti belajar"

PENGHARGAAN

Segala kemuliaan ini adalah semata-mata kerana Allah Yang Maha Kuasa, dan diatas Rahmat dan Kurnia-Nya jua lah saya boleh melalui program sepanjang perkuliyahan ini dengan baik. Walaupun ini semua merupakan satu tugas, tetapi Keberkatan-Nya memberi keringanan kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini.sebagai tugas penamat

Saya amat terhutang budi kepada Prof Datuk Dr. Awang bin Sariyan yang merupakan penyelia utama saya sebelum beliau meninggalkan ISTAC sebulan sebelum saya menyerahkan draf tesis ini. Beliau merupakan seseorang yang baik hati dengan sikap yang sentiasa bersahabat, teliti dan sentiasa memberi maklum balas dengan cepat, sehingga saya berjaya menyelesaikan pekerjaan ini. Saya akan sentiasa mengingati dan menghargai segala komen-komen terperinci, cadangan-cadangan yang bermanfaat, serta pertanyaan-pertanyaan yang memberi inspirasi daripada beliau, yang telah meningkatkan kualiti tesis ini. Walaupun dalam kesibukan, beliau sentiasa meluangkan masa untuk mendengarkan setiap kali saya memerlukan nasihat. Sokongan moral yang diberikannya kepada saya tidak diragukan lagi, ia membantu menaikkan semangat dan rasa percaya diri saya dalam menuliskan karya penyelidikan ini. Saya juga berterima kasih dan menyatakan penghargaan kepada Prof Madia Dr Hafiz bin Zakariya, bekas penyelia kedua saya yang kemudian menjadi penyelia utama saya menggantikan Prof Awang Sariyan, diatas sokongan dan kerjasamanya yang juga telah menyumbang kepada hasil pekerjaan ini. Walau bagaimanapun, sebelum semuanya berjaya saya selesaikan, beliau juga meninggalkan UIAM kerana mendapat kenaikan pangkat untuk berkhidmad di universiti lain.

Saya juga terhutang budi kepada Prof Dato' Dr. Ahmad Murad bin Mohd. Noor Merican dari ISTAC-IIUM, pemeriksa dalaman saya yang selanjutnya menjadi penyelia saya sehingga ke tahap akhir proses ini. Ucapan terima kasih saya dari lubuk hati yang paling dalam atas kebaikan dan sikap persahabatan beliau, ketelitian serta pemahamannya yang mendalam tentang maksud dan tujuan sebuah karya ilmiah. Segala komen-komen, cadangan dan pertanyaan beliau sangat membantu saya dalam memahami makna sebuah tesis. Selanjutnya, juga ucapan terima kasih saya kepada Prof Dato' Seri Dr. Md Salleh Bin Yaapar, pemeriksa luar saya semasa ujian tesis (viva), atas kritikan dan komen-komen beliau yang sangat membina dan sangat berharga, ia telah menambah pemahaman saya mengenai tesis ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Allahyarham ayahanda Ahmad Darwis semoga diampuni segala dosa dan kesalahan beliau dan ditempatkan di syurga-Nya, kepada ibunda tercinta Misnar Abdullah, isteri saya Tien Septino dan anak-anak saya Finez dan Faza; atas segala doa, kefahaman dan ketabahan mereka yang berada jauh.

Sekali lagi, diatas kasih sayang Allah SWT kepada kita semua yang tidak berkesudahan ini jua lah yang membolehkan usaha menulis tesis ini berjaya diselesaikan. Alhamdulillah.

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak Dalam Bahasa Malaysia	i
Abstract in English	ii
Abstract in Arabic (ملخص البحث)	iii
Approval Page	iv
Declaration	v
Hak Cipta	vi
Dedikasi	vii
Penghargaan	viii
BAB SATU: PENDAHULUAN.....	1
1.1. Pengenalan.....	1
1.2. Latar Belakang masyarakat dan budaya Minangkabau.....	4
1.2.1. Asal usul orang, nama dan Bahasa Minangkabau.....	6
1.2.2. Orang Minangkabau.....	7
1.2.3. Nama “Minangkabau”.....	14
1.2.4. Bahasa Minangkabau.....	16
1.2.5. Islam dan Kebudayaan Minangkabau.....	18
1.2.6. Islam di Minangkabau.....	19
1.2.7. Budaya Matrilineal dan Peranan <i>Bundo Kanduang</i>	26
1.2.8. Budaya Merantau orang Minangkabau.....	29
1.3. Latar Belakang Kajian.....	35
1.4. Permasalahan Kajian.....	40
1.5. Objektif Kajian.....	42
1.6. Skop dan Batasan Kajian.....	42
1.7. Kepentingan Kajian.....	43
1.8. Definisi Istilah.....	44
BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR	49
2.1 Pengenalan	49
2.2 Falsafah <i>Nan Ampek</i> dalam masyarakat Minangkabau	53
2.2.1 <i>Kato Nan Ampek</i> mengandungi Empat Jenis Kata	55
2.3 <i>Langgam Kato Nan Ampek</i> (LKNA) sebagai Kebijaksanaan Tempatan....	58
2.3.1 Kekeliruan dalam menamakan KNA dan LKNA	65
2.3.2 Prinsip Hidup <i>Sumbang Duo Baleh</i>	69
2.4 Perkembangan Amalan LKNA di Minangkabau	72
2.4.1 LKNA dalam prinsip komunikasi Islam	75
2.4.2 <i>Zaman Orde Lama</i> : Pergerakan PRRI (Pemerintahan Revolusioner Rep. Indonesia)	77
2.4.3 <i>Zaman Orde Baru</i> : Menghapus Pemerintahan Nagari, Melahirkan Pemerintahan Desa	82
2.4.4 <i>Zaman Orde Reformasi</i> : Dilanda globalisasi dan Pemodenan (Modernisasi)	86
BAB TIGA: KERANGKA TEORITIKAL.....	90
3.1 Pengenalan	90
3.2 Teori Perubahan Sosial	92
3.3 Teori Komunikasi Antara Individu	95
3.4 Kesantunan Berbahasa Dalam Perspektif Linguistik	96

3.4.1	Teori Kesantunan	98
3.4.2	LKNA Dalam teori Kesantunan Melayu	100
3.4.2.1	Kesantunan Berasaskan Agama	100
3.4.2.2	Kesantunan Asas dan Berkendala	101
3.4.2.3	Kesantunan Bahasa Berperingkat	102
3.4.2.4	Gabungan Ketiga-tiga Pendekatan	103
BAB EMPAT: METODOLOGI PENYELIDIKAN.....		106
4.1	Pengalaman	106
4.2	Kajian Kepustakaan	108
4.3	Kajian Lapangan	109
4.4	Objek Kajian	112
4.5	Subjek kajian	113
4.6	Tatacara Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data	113
4.7	Kaedah Pemprosesan Data	115
4.8	Analisis Data Kajian	119
BAB LIMA: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN.....		121
5.1	Pengenalan	121
5.2	Menilai Pemahaman Seniman dan Budayawan Minangkabau Masa Kini Mengenai LKNA.....	122
5.2.1	Makna dan Maksud LKNA – Analisis Data Tafsiran FGD.....	122
5.2.2	Makna dan Maksud LKNA – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik..	125
5.2.3	Rangkuman.....	126
5.2.4	Fungsi dan Manfaat LKNA – Analisis Data Tafsiran FGD.....	127
5.2.5	Fungsi dan Manfaat LKNA – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik..	128
5.2.6	Rangkuman.....	128
5.2.7	Masa Yang Sesuai Mengamalkan LKNA– Analisis Data Tafsiran FGD.....	129
5.2.8	Masa Yang Sesuai Mengamalkan LKNA – Analisis Tafsiran Soal Selidik	129
5.2.9	Rangkuman	130
5.3	Realisasi LKNA Dalam Masyarakat: Pandangan Seniman dan Budayawan	131
5.3.1	Kewujudan LKNA Dalam Kehidupan Masyarakat – Analisis Data Tafsiran FGD	131
5.3.2	Kewujudan LKNA Dalam Kehidupan Masyarakat – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik	132
5.3.3	Rangkuman.....	133
5.3.4	Perubahan Wujud LKNA Dalam Masyarakat dan Penyebabnya – Analisis Data Tafsiran FGD	135
5.3.5	Perubahan Wujud LKNA Dalam Masyarakat dan Penyebabnya – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik	136
5.3.6	Rangkuman.....	139
5.3.7	Amalan LKNA dan Perkembangan Zaman – Analisis Data Tafsiran FGD	140
5.3.8	Amalan LKNA dan Perkembangan Zaman – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik	141
5.3.9	Rangkuman	142

5.4 Amalan LKNA dalam Dialektik Kebudayaan di Kalangan Seniman & Budayawan Sendiri: Sikap dan Pandangan Subjek.....	142
5.4.1 Wujud LKNA di Kalangan Seniman dan Budayawan – Analisis Data Tafsiran FGD	142
5.4.2 Wujud LKNA di Kalangan Seniman dan Budayawan – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik	145
5.4.3 Rangkuman	149
5.5 Pelestarian Dialektika berbasis LKNA Dalam Kalangan Seniman dan Budayawan	157
5.5.1 Analisis Data Deskriptif FGD (tidak tersedia)	
5.5.2 Masalah pelestarian LKNA di kalangan seniman dan budayawan – Analisis Data Tafsiran Soal Selidik	157
5.5.3 Pihak Yang Bertanggung Jawab Dalam Pelestarian LKNA – Analisis Tafsiran Soal Selidik	158
5.5.4 Rangkuman	159
BAB ENAM: KESIMPULAN	162
6.1 Pengetahuan dan Pemahaman LKNA.....	162
6.2 Realisasi LKNA Dalam Masyarakat.....	164
6.3 LKNA dan Dialektika Kebudayaan.....	166
6.4 Pelestarian Dialektika LKNA	169
6.5 Rumusan.....	170
6.6 Pengetahuan dan Pemahaman LKNA.....	171
6.7 LKNA, Seniman dan Budayawan.....	172
6.8 Penyebab LKNA Terhaakis dan Pudar.....	173
6.9 Implikasi.....	175
BIBLIOGRAFI.....	178
APENDIKS I: Jadual Analisis Data Deskriptif FGD dan Soal Selidik	188
A. Menilai Pemahaman Seniman dan Budayawan Minangkabau Masa Kini Mengenai LKNA	188
B. Realisasi LKNA dalam masyarakat: Pandangan Seniman dan Budayawan	200
C. Amalan LKNA dalam Dialektik Kebudayaan di Kalangan Seniman & Budayawan: Sikap dan Pandangan Subjek sendiri.....	219
D. Pelestarian Dialektika berbasis LKNA dalam kalangan seniman dan budayawan	228
APENDIKS II: Dokumen Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)	
APENDIKS III: Dokumen Soal Selidik	

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Laporan kajian tesis Amalan *Langgam Kato Nan Ampek* di Kalangan Seniman dan Budayawan Minangkabau Masa Kini ini secara keseluruhan mengandungi Enam Bab.

Sebagai pendahuluan, Bab Satu dimulai dengan mengetengahkan; pertama, latar belakang masyarakat dan budaya Minangkabau dalam berbagai aspek, meliputi; asal usul orang Minangkabau, asal usul nama dan bahasa Minangkabau, Islam dan kebudayaan Minangkabau, budaya *matrilineal* bersuku ke ibu, serta budaya merantau orang Minangkabau. Bahagian kedua dalam bab satu ini adalah; a) latar belakang kajian, iaitu aspek-aspek yang melatar belakangi mengapa kajian ini dibuat, b) permasalahan kajian, iaitu masalah atau isu utama yang dikaji dalam penyelidikan¹, yang mana sesuai judul tesis ini, iaitu berkenaan kewujudan amalan *Langgam Kato Nan Ampek* (LKNA) dalam kalangan seniman dan budayawan Minangkabau masa kini menerusi proses dialektik kebudayaan. c) Tujuan kajian, iaitu pernyataan tentang arah atau fokus kajian yang sudah dijalankan secara keseluruhannya², d) skop dan batasan-batasan (limitasi) kajian yang dilakukan dalam proses penyelidikan ini. e) Kepentingan kajian, iaitu menjelaskan kepentingan daripada kajian ini serta sumbangan-sumbangan seperti apa yang boleh diberikan dari hasil kajian ini. f) Bab Satu ini juga dilengkapi dengan definisi istilah atau pentakhrifan dari beberapa istilah yang digunakan, terutamanya dalam penulisan laporan ini.

¹ JPIPK@IPG KBM. *Pernyataan Masalah Kajian Dalam Penulisan Tesis*. Dimuat turun daripada <http://researchipbmm2008.blogspot.com/2011/02/pernyataan-masalah-kajian-dalam.html>

² Kamarul Syukri. *Tujuan Kajian*, 2015. Dimuat turun daripada <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/tujuan-kajian-dr-kamarul-shukri>

Bab Dua adalah *Tinjauan Literatur*, ia dibagi ke dalam dua bahagian. Pertama, berkenaan dengan literatur yang berkaitan dengan amalan LKNA sebagai objek kajian, dengan mengutip beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan, sehingga memperjelas mengapa penyelidikan ini perlu dilakukan. Bahagian kedua, menjelaskan tentang LKNA, walau bagaimanapun disebabkan LKNA bukanlah satu konsep amalan yang berdiri sendiri, melainkan ia adalah salah satu aspek kandungan falsafah Minangkabau bernama *Nan Ampek* (Yang Empat) yang mengandungi beberapa aspek lainnya. Oleh itu, bahagian kedua dari Bab Dua ini didahului dengan menerangkan tentang falsafah *Nan Ampek* yang mengandungi *Kato Nan Ampek* (KNA), serta *Langgam Kato Nan Ampek* (LKNA) sebagai kebijaksanaan tempatan (*local wisdom*) yang juga merupakan kajian utama dalam tesis ini. Masih dalam wacana kesantunan, di sini juga di ketengahkan konsep *Sumbang Duo Baleh*, yaitu sebuah konsep kesantunan boleh berlaku umum, namun begitu di Minangkabau amalannya lebih ditekankan kepada pihak perempuan. *Sumbang Duo Baleh* merupakan 12 sifat tidak terpuji yang seharusnya tidak dimiliki oleh perempuan Minangkabau. Bab ini juga membahas tentang kekeliruan yang sekarang sering terjadi dalam menamakan dan menggunakan antara KNA dan LKNA, serta mengetengahkan punca sebenar mengapa perkara itu boleh berlaku. Selanjutnya pembahasan berkenaan; LKNA dalam prinsip Komunikasi Islam, serta Perkembangan Amalan LKNA di Minangkabau. Sebagai penutup, adalah aspek perubahan sosial yang berimpak kepada amalan LKNA. Bab ini juga membahas pengaruh tiga zaman bermula setelah kemerdekaan Indonesia yang dinilai banyak membawa perubahan sosial dalam masyarakat Minangkabau, iaitu dikenali sebagai zaman *Orde Lama* dibawah Presiden Soekarno sebagai Presiden pertama Indonesia merdeka, dilanjutkan oleh *Orde Baru* dibawah Presiden Soeharto, dan terakhir pada zaman *Orde Reformasi* dibawah Presiden Baharudin Jusuf Habibie, sehingga lah kepada beberapa orang Presiden selanjutnya sampai ke hari ini.

Bab Tiga mengandungi *Kerangka Teori*, yang menerangkan bahawa penyelidikan ini melibatkan teori-teori, seperti; 1) Teori kemahiran komunikasi peribadi (*inter-personal communication skill theory*) kerana LKNA dilihat sebagai satu aspek kemahiran komunikasi peribadi orang Minangkabau. 2) Teori perubahan sosial (*social changed theory*), perkara ini disebabkan kajian tesis ini meneliti amalan LKNA di kalangan seniman dan budayawan sekarang, yang tentunya sudah terjadi perubahan daripada bentuk amalan yang dulu. 3) Teori kesopanan/kesantunan (*politeness theory*), ini pula disebabkan LKNA dilihat sebagai aspek kesantunan dalam berbahasa, yang berada dibawah payung ilmu sosio-linguistik (*socio-linguistic*).

Bab Empat, ialah penjelasan berkenaan *Metodologi Penyelidikan*. Seperti lazimnya diketahui, bahawa metodologi penyelidikan adalah kaedah pendekatan terhadap penyiasatan yang bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan melalui penerapan kaedah yang sistematik dan saintifik, yang selalu bermula dengan soalan atau masalah. Oleh itu, metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini diantaranya adalah melibatkan; kajian kepustakaan, kajian lapangan, objek kajian, subjek kajian, tatacara kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah pemprosesan data, serta analisis data kajian, sehingga akhirnya menghasilkan dapatan kajian sebagai jawapan kepada masalah atau soalan yang dihadapi.

Bab Lima merupakan *Analisis Data dan Dapatan Kajian* adalah merujuk kepada permasalahan kajian dan terutamanya untuk menjawab objektif kajian. Ia mengandungi dua bentuk analisis data iaitu; analisis data deskriptif dan analisis data tafsiran bagi menjawab setiap soalan yang sudah disenaraikan. Hasil data-data yang diterangkan adalah bersumber daripada penilaian penyelidik terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan oleh setiap individu subjek kajian dalam menjawab setiap soalan sebagai dapatan kajian.

Bab Enam, adalah Bab *Penutup*, yang secara keseluruhannya mengandungi ringkasan-ringkasan kajian bagi setiap bab. Kemudian dilanjutkan dengan rumusan berkaitan dengan ketiga objektif kajian, termasuk juga penjelasan tentang implikasi dari hasil kajian ini, serta beberapa cadangan yang perlu diambil kira selepas kajian ini selesai.

1.2. Latar Belakang Masyarakat dan Budaya Minangkabau

Secara kesukuan, masyarakat Minangkabau adalah bahagian daripada suku Melayu yang dikenali sebagai Melayu Minangkabau³, oleh itu dari segi rupa paras tidak nampak adanya perbezaan antara orang Melayu dengan orang Minangkabau. Rais Yatim⁴ menjelaskan bahawa apabila bercakap berkenaan Minangkabau kita perlu merujuk tidak hanya kepada masyarakatnya tetapi juga wilayah asalnya, iaitu Sumatera Barat. Dari segi jumlah penduduk, menurut Rais, masyarakat Minangkabau di Provinsi Sumatera Barat penduduknya berjumlah lebih kurang lima juta orang, sedangkan yang tinggal di luar Sumatera Barat diperkirakan jumlahnya sedikit melebihi jumlah yang ada di tanah asal itu. Wilayah Sumatera Barat sendiri mempunyai keluasan 54,000 km persegi dengan kawasan pantainya yang menghadap ke Lautan Hindi. Selari dengan itu, perkara yang sama juga dinyatakan oleh Andaya⁵ bahawa suku Minangkabau merupakan salah satu suku dalam wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) menduduki wilayah Sumatera Tengah. Andaya menambahkan bahawa suku Minangkabau telah menjadi sumber kajian popular bagi pengkaji-pengkaji luar Negara

³ Mohamed Anwar Omar Din, *Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya*. Jurnal Melayu, UKM (7) (2011), 1 - 82. <<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5003>> (Diakses, May 2018)

⁴ Rais Yatim. *Adat, the Legacy of Minangkabau*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Negara, 2015, hlm. 3.

⁵ Andaya, L. *Unravelling Minangkabau Ethnicity*, (2000). *Itinerario*, 24(2), 20-43. doi:10.1017/S0165115300013000 (diakses, 2 May 2018).

kerana amalan budaya *matrilineal*⁶ dan juga semangat *merantau*⁷ yang dimiliki oleh mereka.

Berkaitan wilayah tanah asal Minangkabau, seperti ditulis oleh Andaya⁸ memang pada awalnya dikenali sebagai Sumatera Tengah. Tapi kemudiannya, seperti dijelaskan oleh Gusti Asnan⁹ bahawa perubahan batas wilayah itu adalah mengikut hasil persidangan Dewan Perwakilan Rakyat Sementara (DPRS) Republik Indonesia pada tahun 1946 yang memutuskan bahawa wilayah Sumatera Tengah yang luas itu dibagi menjadi tiga Provinsi. Ketiga-tiganya ialah Provinsi Sumatera Barat, Provinsi Riau dan Provinsi Jambi, dan setelah pembahagian itu nama Sumatera Tengah tidak digunakan lagi.

Kemudian dalam tulisannya yang lain pula, Andaya¹⁰ kembali mengungkapkan bahawa dalam sebuah organisasi sosial kemasyarakatan, orang Minangkabau dikenali sebagai pengamal *matrilineal system* terbesar di dunia. Oleh itu, budaya *matrilineal* dan budaya *merantau* merupakan dua ciri khas yang membezakan etnik Minangkabau dengan masyarakat lainnya. Seperkara lagi yang perlu ditekankan ialah bahawa orang Minangkabau adalah penganut Islam yang kuat. Menurut Hamka,¹¹ usaha untuk memadukan dan menyesuaikan cara hidup agama menjadi adat di tanah Minangkabau sudah dimulai sejak orang Minangkabau menerima Islam sebagai agamanya. Keadaan itu menghasilkan perpaduan yang lebih kuat melalui satu mesyuarat di suatu tempat, di atas bukit bernama *Bukik Marapalam*¹² yang kemudiannya melahirkan sebuah ketentuan

⁶ *Matrilineal* menurut Kamus Merriam-Webster bermakna salasilah mengikut garis keturunan ibu (*through the mother's line*). <<https://www.merriam-webster.com/dictionary/matrilineal>> (diakses, May 2018).

⁷ Merantau, lihat definisi istilah, hal.12 kajian ini.

⁸ *Op.Cit.* Andaya

⁹ Asnan, Gusti. *Pemerintahan Daerah Sumatera Barat Dari VOC Hingga Reformasi*. (Jogjakarta: Citra Pustaka, 2006), hlm. 129.

¹⁰ Lihat Andaya, *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*. (University of Hawaii Press. Library of Congress Cataloging in Publication Data, 2008), hlm. 88.

¹¹ Hamka. *Islam dan Adat Minangkabau*. (Jakarta: PT Pustaka Panjimas, 1984), hlm. 138

¹² Bukik Marapalam adalah puncak bukit tertinggi di Kabupaten Tanah Datar. Sekarang kawasan ini lebih dikenali dengan nama *Puncak Pato*. Perkataan marapalam dipercayai berasal dari kata '*marapek alam*' yang artinya merapatkan atau mengeratkan hubungan. Sedangkan *Puncak Pato* berasal dari kata 'Fakta

(*adagium*) yang sangat bersejarah iaitu; *Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah*, yang bermakna; adat/budaya berasaskan kepada aturan agama, aturan agama pula berasaskan kepada Kitab Allah iaitu al-Qur'an dan Sunnah – dengan ketentuan itu bersatulah adat dengan syariat Islam di Minangkabau, yang hingga ke hari ini menciptakan kedamaian dan keharmonian dalam kehidupan sosial budaya masyarakat.

Oleh itu apabila keterangan diatas disimpulkan, maka sesungguhnya ada tiga perkara utama yang menjadi ciri khas orang Minangkabau, pertama; budaya merantau, kedua; budaya matrilineal, dan yang ketiga; sebagai penganut Islam yang kuat.

1.2.1. Asal Usul Orang, Nama dan Bahasa Minangkabau

Seperti yang dijelaskan oleh ramai pakar sejarah, bahawa perjalanan sejarah orang Minangkabau sentiasa diselimuti kabus misteri, terutamanya pada masa-masa sebelum kemasukan Islam ke tanah Minangkabau. Sudah tentu banyak perkara yang melatar-belakangi mengapa keadaan ini boleh berlaku. Namun begitu, disebabkan kajian tesis ini tidak membahas perkara berkenaan, maka bahagian daripada sub-bab ini hanya membahas asal usul orang Minangkabau, termasuk asal usul perkataan *Minangkabau*, serta asal usul bahasa Minangkabau. Menerusi kajian ini, keterangan-keterangan yang diperoleh berkenaan perkara-perkara itu merupakan data-data sekunder merujuk kepada hasil-hasil kajian oleh para pengkaji terdahulu, termasuk sumber-sumber bacaan lainnya.

1.2.2. Orang Minangkabau

dan atau Pakta', yang berarti perjanjian. Lihat; Seruni, S.A. *Sumpah Satie Bukik Marapalam dan Dampaknya Pada Masyarakat Minang*, (2017) <<https://www.wonderfulminangkabau.com/sumpah-satie-bukik-marapalam/>> (diakses, 15 Ogos 2019).

Dari beberapa sumber bacaan diketahui bahawa sejarah asal usul nenek moyang orang Minangkabau memiliki versi yang berbeza-beza, *pertama* menurut versi tambo¹³ Minangkabau – seperti dinyatakan ole H. Datoek Tuah¹⁴; mereka dikatakan berasal dari keturunan Iskandar Zulkarnain, kisah Tambo ini juga terdapat pada hikayat *Sulalatus Salatin*¹⁵. Dalam hikayat itu dituliskan bahawa masyarakat Minangkabau pernah mengutus wakilnya untuk meminta *Sang Sapurba*, yaitu seorang keturunan Iskandar Zulkarnain untuk menjadi raja mereka. Bagaimanapun ahli sejarah meragukan kebenaran cerita itu, kerana terdapat sesuatu perkara yang berlawanan (*contradictive*). Maksudnya, walaupun benar Sang Sapurba datang untuk menjadi raja, sudah tentulah kawasan itu lebih dahulu dihuni oleh kelompok masyarakat, dan sudah pasti pula masyarakat itu memiliki nenek moyang¹⁶.

Kedua, penulisan sejarah asal usul orang Melayu selama ini lebih banyak dikuasai atau didominasi oleh sejarawan Barat (orientalis), beberapa diantaranya boleh didapati melalui tulisan Haziyah Hussin¹⁷. Mereka mengatakan bahawa nenek moyang orang Melayu termasuk orang Minangkabau dikatakan berasal dari bangsa Austronesia yang dulu bermukim di daerah Yunan, Cina bahagian Selatan. Para orientalis ini telah melahirkan teori-teori migrasi tentang penghijrahan orang-orang Melayu ke kepulauan Nusantara ini, dan pandangan mereka pula telah dipercayai serta menjadi panduan oleh sebahagian besar tokoh-tokoh dan sejarawan Nusantara yang kemudian diajarkan kepada anak-anak di sekolah-sekolah, bahawa orang Melayu datang ke Nusantara ini dalam dua gelombang; kelompok pertama datang pada zaman *Neolitikum* (Zaman Batu Baru) lebih kurang 2000 SM. Gelombang pertama ini oleh para ahli disebut sebagai bangsa *Proto Malay* (Melayu Tua), dan di Indonesia dari kelompok Melayu Tua ini

¹³ Lihat definisi istilah *tambo* di hal. 14 kajian ini.

¹⁴ H. Datoek Toeah. *Tambo Alam Minangkabau*. (Bukittinggi: Pustaka Indonesia 1976), hlm. 37-40.

¹⁵ Lihat Ahmat Adam. *Sulalatus Salatin*, (228 Taman Sekamat, Kajang, Selangor, 2012), hlm. 113-115.

¹⁶ *Ibid* Ahmat Adam

¹⁷ Haziyah Hussin. *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah* Lampau. Jebat 31 (2004) 15-38, < <http://journalarticle.ukm.my/388/1/1.pdf>> (diakses, 5 Mac 2020)

mereka berkembang menjadi suku-suku seperti; Batak, Toraja, Dayak, Nias, Mentawai, Kubu dan lain-lainnya. Kelompok kedua pula datang lebih kurang pada tahun 500 – 100 SM, mereka yang datang pada gelombang kedua ini disebut *Deutero Malay* (Melayu Muda), dan dari bangsa Melayu Muda inilah yang kemudiannya dikatakan berkembang menjadi suku-suku seperti; Minangkabau, Jawa, Makasar, Bugis dan lain-lainnya¹⁸.

Berbalik kepada cerita Minangkabau, memang agak sukar untuk menghuraikan sejarah asal-usul orang Minangkabau kerana beberapa faktor: *pertama*, sehingga kini masih terdapat perbezaan pandangan berkaitan sejarah Minangkabau, terutamanya pakar-pakar sejarah. *Kedua*, masyarakat Minangkabau zaman dulu dikatakan tidak memiliki budaya tulis-menulis, kisah tentang sejarah Minangkabau lazimnya diturunkan melalui *kaba*¹⁹ (*foklore*). Malah usaha penulisan sejarah Minangkabau baru dimulai selepas kemasukan Islam, dan ia ditulis dalam bentuk Tambo (hikayat, babad).

Ketiga, berbagai jenis Tambo sejarah Minangkabau ditulis menggunakan tulisan Jawi (huruf Arab Melayu), dan sebagian besar kandungannya masih bercampur dengan berbagai macam mitos, sehingga kebenarannya oleh para pakar sejarah masih perlu untuk dipertanyakan. Walau bagaimanapun, pakar-pakar sejarah ini berpendapat bahawa Minangkabau memiliki sejarah yang sangat penting untuk diketahui. Namun begitu, sejalan dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, penemuan terkini telah membuka satu wacana baru tentang asal usul orang Minangkabau. Baru-baru ini, sekelompok para pengkaji arkeologi daripada Australia yang diketuai oleh Westaway²⁰ *et al.*, telah menemukan fosil gigi *homo sapien* (manusia modern) di sebuah

¹⁸ Lihat P. E. de Josselin de Jong. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-political Structure in Indonesia*. New York, AMS Press (1952), hlm. 19-20

¹⁹ Menurut KBBI, "kaba" adalah cerita rakyat dalam sastra tradisional Minangkabau yang berbentuk prosa berirama, kalimatnya sederhana dengan 3—5 kata sehingga dapat diucapkan secara berirama atau didendangkan, tema ceritanya bermacam-macam, seperti kepahlawanan, petualangan, pelipur lara, dan kisah cinta.

²⁰ Westaway *et al.* "An early modern human presence in Sumatra 73,000–63,000 years ago, (2017). Berita ini dilaporkan oleh *the Nature* <<https://www.nature.com/articles/nature23452>> [diakses, Desember 2018].

gua bernama *Gua Lidah Ayie* di Payakumbuh, daerah ini merupakan salah satu kawasan inti Minangkabau di Sumatera Barat. Setelah dilakukan ujian karbon (*carbon test*), fosil itu dijangka berusia 73.000 – 63.000 tahun, dan penemuan ini dikatakan membuat gempar dunia arkeologi, ia amat mengejutkan para pakar dan tokoh-tokoh arkelologi dunia. Berita yang sama juga turut dikongsikan oleh O'grady²¹ dan SCI News²² yang menyatakan bahawa penemuan ini sedikit lebih muda daripada penemuan di tanah Afrika yang dikatakan paling tua di dunia.

Penemuan fosil gigi di *Gua Lidah Aie* ini nampaknya sejalan pula dengan pandangan pengkaji-pengkaji lainnya baru-baru ini, terutamanya hasil kajian Stephen Oppenheimer²³ yang mengemukakan hujah menakjubkan bahawa di sinilah, iaitu di Asia Tenggara ini - bukannya di Mesopotamia sebagaimana biasa diperkatakan - adalah tamadun yang hilang itu (*the Lost Eden* atau Eden yang hilang) yang dijangka sebagai tamadun pertama dunia, iaitu tamadun yang telah melahirkan budaya-budaya besar di Timur Tengah 6.000 tahun dulu. Hasil kajian Oppenheimer ini telah mengubah sama sekali pandangan pra-sejarah yang dipercayai selama ini. Beliau telah mengemukakan pendapat dan hujah-hujahnya disertai bukti-bukti etnografi, arkeologi, oseanografi, termasuk cerita penciptaan (*creation stories*), mitos, linguistik, serta analisis DNA, bahawa tamadun ini telah dimusnahkan oleh banjir besar yang melanda disebabkan oleh kenaikan pesat paras air laut pada akhir zaman ais terakhir. Oppenheimer menerangkan bahawa pada akhir Zaman Ais, Asia Tenggara membentuk sebuah benua dengan

²¹ Penemuan fosil ini juga turut dilaporkan O'grady. *Humans were in Indonesia more than 63,000 years ago, newly dated human teeth back up existing genetic evidence*, (2017) <<https://arstechnica.com/science/2017/08/humans-were-in-indonesia-more-than-63000-years-ago/>> (diakses, Disember 2018).

²² Laporan lain oleh SCI News. *Anatomically Modern Humans Arrived in Southeast Asia Far Earlier than Previously Thought*", (2017), <<http://www.sci-news.com/archaeology/humans-lida-ajer-05127.html>> (diakses, Disember 2018).

²³ Oppenheimer, S. *Eden in the East: The Drowned Continent of Southeast Asia*. (London: Orion Publishing, 1999). Buku ini telah membuka wacana baru tentang asal usul masyarakat Nusantara. Oppenheimer adalah seorang ahli pediatrik, ahli genetic, karya lainnya juga dalam bidang perubatan dan penyakit tropika, beliau juga telah menerbitkan karya-karya terkenal dalam bidang genetik dan prasejarah manusia.

keluasan dua kali ganda ukuran India, meliputi Indochina, Malaysia, Indonesia, dan Borneo.

Pengkaji kedua pula adalah Arysio Santos²⁴, melalui kajiannya yang mendalam tentang Atlantis, beliau menyatakan telah mengambil kira semua bahan, termasuk peta kuno, dialog Plato serta cerita-cerita rakyat (*narrative folklore*) bagi menyediakan perkara paling menarik tentang hilangnya seluruh tamadun itu. Profesor Santos menunjukkan bahawa jangka masa yang dibuat oleh Plato berkenaan hilangnya Atlantis pada 11,600 BP (*before present*/sebelum ini) adalah betul-betul sepadan dengan akhir bencana Zaman Es Pleistosen atau peristiwa bencana banjir besar bersejarah itu yang melanda kawasan ini. Menurut Santos, naiknya paras air laut setinggi hampir 500 kaki itu telah menenggelamkan tanah seukuran benua termasuk Atlantis, perkara ini dihubungkannya dengan cerita Taman Eden yang ada dalam Alkitab. Bab-bab yang bersifat provokatif dalam buku ini meliputi topik-topik seperti penampilan benua di peta kuno, tafsiran orang Amerika berkenaan Atlantis, empat sungai syurga, dan banyak lagi, semua itu memberikan gambaran dan bentuk yang jelas kepada garis besar tanah ini. Maka disimpulkannya bahawa Indonesia adalah tapak sebenar Eden yang hilang itu.

Bila dikaitkan penemuan arkeologi oleh Westaway *et al.* serta hasil-hasil kajian yang dibuat oleh Oppenheimer dan Santos, keadaan ini sekali gus dapat membantah hasil kajian Andaya²⁵ yang menjangkakan kehadiran suku Minangkabau masih agak baru. Ini juga termasuk membantah pernyataan-pernyataan yang selama ini mengatakan bahawa orang Minangkabau adalah kelompok *Deutero Malay* yang berasal dari Yunan. Khas bagi penemuan fosil gigi *homo sapien* di Gua Lidah Aie oleh Westaway kini boleh melahirkan sebuah wacana baru tentang asal usul dan sejarah orang

²⁴ Santos, A. *Atlantis, the Lost Continent Finally Found*, (Lynnwood, WA: Atlantis Publication, 2011). Kajian ini juga telah membuka wacana baru yang lebih berani didokong oleh data-data kajian tentang kejadian berpuluh ribu tahun yang lalu di kawasan Nusantara ini. Arisio do Santos adalah seorang pakar klimatologi, ahli geologi, dan ahli fizik nuklear yang sangat dihormati, beliau juga seorang sarjana sejarah, cerita rakyat, bahasa, dan perkara ghaib.

²⁵ *Op.Cit.* Andaya, L.

Minangkabau. Berkemungkinan besar orang Minangkabau merupakan suku asli di kawasan di tempat mereka berada sekarang.

Selari dengan hujah-hujah pengkaji diatas, Yulfian Azrial²⁶ dalam kajiannya yang bersumber daripada bahan-bahan lama, mendapati bahawa di dalam Tambo lama dinyatakan awal keturunan Minangkabau dikaitkan dengan banjir besar pada zaman Nabi Nuh AS, semasa kawasan Nusantara masih dalam bentuk satu kesatuan daratan yang dinamakan *Sunda Land* yaitu pada zaman *Es Pleistosen*. Menurutnya, di dalam Tambo itu disebutkan bahawa tiga orang anak lelaki Nabi Nuh yang dikenali sebagai *serpih belahan tiga jurai* masing-masing bernama Maharaja Alif dan rombongannya bergerak ke Benua Ruhum (Eropah), rombongan Maharaja Depang bergerak ke Benua China dan rombongan yang bungsu bernama Maharaja Diraja turun (mendarat) di Pulau Emas (Pulau Sumatera). Bagi peminat sejarah yang berpandukan kepada Al-Qur'an tentu perkara ini boleh terus dihubungkan dengan sejarah tiga rombongan besar (*kabilah*) yang kemudian menjadi nenek moyang hampir semua bangsa-bangsa yang ada di muka bumi ini selepas kejadian banjir di zaman Nabi Nuh. Dan, ia akan menjadi relevan untuk dipertanyakan apakah betul rombongan ketiga anak Nuh itulah yang dimaksudkan oleh kisah dalam Tambo Minangkabau? Apakah memang betul ketiganya bergelar Maharaja Alif, Maharaja Depang dan Maharaja Diraja? Nampaknya pendapat ini lebih masuk akal berbanding mengatakan bahawa mereka adalah anak-anak keturunan Iskandar Yang Agung (*Alexander the Great*) yang hanya hidup berabad-abad kemudian setelah kejadian banjir zaman Nabi Nuh.

Dikisahkan bahawa kedatangan para nenek moyang ke negeri yang juga sering disebut sebagai *Ranah Minangkabau* atau *Alam Minangkabau* ini awalnya sebahagian rombongan ada yang bergerak kearah Selatan. Kemudian ada pula yang singgah dan menetap di Timur Tengah, dan ada pula yang bergerak melayari Teluk Persia melewati

²⁶ Azrial *Khazanah Asal Usul Minangkabau*, buku-1. (Payakumbuh: BKKP & Pena Indonesia, 2017), hlm.43-56.

Selat Hormudz dan terus menyusuri pantai Benua Asia. Dari sana mereka melanjutkan pelayaran ke pulau bernama Lakadewa, melayari Serindit²⁷ hingga akhirnya sampai di Ranah Minangkabau.

Terlepas dari tulisan Andaya, serta kajian-kajian lain yang melahirkan istilah-istilah seperti *Porto* dan *Deutro Malay* tentang penghijrahan orang Melayu ke kawasan ini, secara tidak langsung semuanya dibantah oleh dua buku hasil kajian Oppenheimer dan Santos itu. Selanjutnya orang ketiga dalam kajian ini yang memiliki pandangan hampir sama dengan kedua penulis ini adalah Alfred Wallace (1869). Wallace melalui bukunya yang berjudul *The Malay Archipelago* (Kepulauan Melayu), dinyatakan sebagai satu kawasan luas yang membentang dari Utara mulai dari Vietnam ke Kamboja, kemudian Filipina, terus turun ke bawah ke seluruh kepulauan Indonesia hingga ke kepulauan Solomon²⁸. Buku yang ditulis sekitar 150 tahun yang lalu ini merupakan satu lagi keterangan yang mendukung bahawa kawasan ini adalah milik orang Melayu, oleh sebab itu dinamakannya sebagai *Malay Archipelago*.

Keempat, namun begitu, sebagai satu kajian ilmiah, penyelidik juga merasa perlu untuk tetap memasukkan pandangan yang agak berlawanan sebagai satu perbandingan, salah satunya adalah tulisan Peter Bellwood²⁹. Wood dalam kajiannya melakukan beberapa pendekatan, iaitu dari sudut pandang arkeologi, pertanian, kraft (tembikar), serta perbandingan dalam hal-hal kebahasaan, termasuk perniagaan batu jed. Dengan mengutip beberapa pendapat pengkaji lainnya, Wood menyatakan bahawa kebudayaan Neolitik terawal adalah berasal dari Taiwan, dan Dapenkeng kini sepenuhnya disahkan sebagai kawasan pertanian sekurang-kurangnya sejak 3000 SM,

²⁷ *Ibid.* Azrial, hlm. 18-42.

²⁸ Wallace, A.R.), *The Malay Archipelago*, Periplus Edition (2008), Singapore, hlm.13. (Edisi pertama, 1869).

²⁹ Bellwood, P. *Prehistory of Indo-Malaysian Archipelago*, Academic Press, Sydney. Australia, 2007. Edisi semakan (PIMA2) 1995, dan diterbitkan 1997, University of Hawaii Press.